

# Hujan lebat punca banjir di tiga negeri

» Melaka catat jumlah tertinggi dengan 1,315 penduduk

Oleh Ifwan Tun Tuah, Badrul Kamal Zakari, Norizzah Baharudin, Amran Yahya dan Hai Rozzaman Jalal  
bhnews@bh.com.my

## ► Kuala Lumpur

Hujan lebat berterusan semalam menyebabkan hampir 2,000 penduduk di beberapa daerah di Melaka, Negeri Sembilan dan Johor, terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan.

Jumlah mangsa tertinggi dipindahkan ialah di Melaka dengan 1,315 penduduk di tiga daerah, dipindahkan ke 12 pusat pemindahan. Secara keseluruhan sehingga jam 8 malam tadi, sebanyak lapan pusat pemindahan dibuka di Alor Gajah, Melaka Tengah (1) dan Jasin (3).

Daripada jumlah itu, 1,113 mangsa daripada 237 keluarga dipindahkan ke lapan pusat pemindahan di Alor Gajah, 112 mangsa dari 28 keluarga dipindahkan ke satu pusat pemindahan di Melaka Tengah serta 90 mangsa dari 16

keluarga dipindahkan ke tiga pusat pemindahan di Jasin.

## Tutup jalan utama

Beberapa jalan utama juga terpaksa ditutup untuk kenderaan seperti di Lebuhraya Alor Gajah-Melaka-Jasin (AMJ) di Sungai Petai, Lebuhraya AMJ Simpang ke Seri Pengkalan serta laluan Kelemak menghala Simpang Ampat. Laluan di Lubok China, Masjid Tanah turut ditutup sementara kerana ditenggelami air sehingga menjejaskan lalu lintas.

Di Negeri Sembilan, seramai 538 penduduk dari 112 keluarga ditempatkan di tiga pusat pemindahan di Gemas dan Tampin.

Daripada jumlah itu, 497 orang dari 101 keluarga berada di pusat pemindahan Sekolah Kebangsaan Sungai Kelamah serta 10 dari dua keluarga di Balai Raya FELDA Sungai Kelamah di Gemas, manakala 31 orang dari sembilan keluarga dipindahkan ke Balai Raya Kampung Parit Buluh di Tampin.

## Projek tebatan banjir berkesan

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gemas, Datuk Abd Razak Ab Said, berkata projek tebatan banjir di Sungai Muar dan Sungai Gemas berjaya mengelakkan banjir lebih serius di kawasan berkenaan seperti tahun 2011 yang menyaksikan Stesen Kereta Api



Keadaan rumah penduduk yang dinaiki air di Kampung Gadek Dalam, Melaka.

[FOTO MUHAMMAD ZUHAIRI ZUBER/BH]



Abd Razak (dua dari kiri) meninjau keadaan banjir di FELDA Sungai Kelamah, semalam.  
[FOTO AMRAN YAHYA/BH]

Gemas hampir tenggelam dan bandar itu terputus hubungan darat.

Pengarah Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) Negeri Sembilan, Leftenan Kolonel Kamal Mokhtar, berkata limpahan air Sungai Kelamah turut menenggelamkan sebahagian laluan di Kilometer 43, Jalan Tampin-Gemas yang menyebabkan laluan itu ditutup kepada kenderaan.

Di Ledang, seramai 55 penduduk berusia dua bulan hingga 75 tahun dari 11 keluarga di Kampung Seberang Gajah dan Kampung Sialang Dalam dipindahkan ke pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Sialang, kira-kira jam 6 petang semalam selepas penempatan mereka dinaiki air.

Pegawai Daerah Ledang, Ab Han Ramin, berkata banjir kilat itu disebabkan faktor hujan lebat, selain limpahan air dari Sungai Asahan dan Sungai Cohong yang turut menyebabkan laluan menghubungkan Kampung Seberang Gajah hanya boleh dilalui kenderaan berat dan tinggi.